



MAJLIS DAERAH MARANG

NOTIS PEMBERITAHUAN TAWARAN UNTUK PAJAKAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DI JETI PELANCONGAN BANDAR MARANG, TERENGGANU.

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang ramai yang berminat untuk membuat permohonan memajak tempat letak kenderaan di Jeti Pelancongan Bandar Marang, Terengganu.
2. Kelayakan pemohon adalah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas atau Syarikat Bumiputra yang berdaftar dengan SSM dan keutamaan kepada penduduk tempatan Daerah Marang.
3. Tempoh pajakan adalah **SATU (1) tahun** sahaja.
4. Harga tawaran pajakan yang terendah (rezab) yang ditetapkan oleh Majlis adalah tidak kurang daripada **RM 24,000.00** (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Empat Ribu Sahaja).
5. Majlis berhak memendekkan atau melanjutkan tempoh pajakan ini.
6. Pemajak-pemajak yang berjaya dikehendaki:
 - i. Menjelaskan kesemua bayaran pajakan sebagaimana harga tawaran yang dibuat oleh pemajak apabila menandatangani perjanjian.
 - ii. Menggunakan tiket rasmi tempat letak kenderaan yang diluluskan oleh Majlis Daerah Marang.
 - iii. Memohon kelulusan kadar bayaran harga tempat letak kenderaan daripada Majlis Daerah Marang.
 - iv. Menyediakan pengawal keselamatan yang secukupnya untuk menjaga harta benda orang awam yang diawasi ditempat letak kenderaan tersebut.
 - v. Sentiasa menjaga kebersihan persekitaran tempat letak kenderaan.
 - vi. Tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti perniagaan kecuali mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Marang.
 - vii. Mematuhi apa-apa arahan Majlis dari masa ke semasa.

7. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang khas yang boleh diperolehi di Kaunter Sewaan, Majlis Daerah Marang dengan harga RM2.00 pada bila-bila masa waktu pejabat dan borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul 4" x 10" dihantar kepada:


**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Marang
21600 Marang,
Terengganu.
(u.p: Bahagian Pengurusan Harta)**

8. Semua permohonan yang layak akan diproses dan dinilai untuk dibuat pemilihan.
9. Pemajak yang berjaya akan dihubungi melalui telefon dan akan disusuli dengan surat tawaran.
10. Tarikh tutup permohonan ini adalah pada **20 Januari 2025 jam 12.00 tengah hari**. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH @ ABDUL LATIF)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Marang.